



DASAR PERMOHONAN SEWA PETAK LETAK KERETA RIZAB

1. Permohonan mestilah menggunakan borang yang dikeluarkan oleh Unit Letak Kereta.
2. Permohonan akan dirujuk/dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Lalu Lintas.
3. Permohonan mestilah dibuat melalui syarikat atau seumpamanya. Permohonan oleh mana-mana individu tidak akan dipertimbangkan.
4. Tempat yang dipohon mestilah tidak melebihi lima (5) petak bagi setiap baris tempat letak kereta atau 30% daripada jumlah petak di kawasan berkenaan.
5. Kelulusan mestilah tidak melebihi dua (2) petak kecuali di hadapan/belakang bangunan sendiri.
6. Bagi kawasan pusat bandar kelulusan hanya diberikan di kawasan 1 jam (petak kuning) di lorong-lorong belakang bangunan sahaja.
7. Tiada had masa penyewaan.
8. Penyewa tidak dibenarkan menyewakan kepada pihak ketiga.
9. Penyewa diwajibkan menempah papan tanda rizab yang *standard* melalui Unit Letak Kereta.

Bayaran sewa satu petak sebulan (termasuk 6% Cukai Kastam)

Pusat Bandar	:	RM316.00 (Lorong belakang sahaja).
Sepanjang Jalan Utara/Labuk:		RM316.00 (hadapan/tepi premis).
	:	RM212.60 (belakang premis).
Sepanjang Jalan Leila	:	RM161.40 (bebas)